KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	11/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 11.1 2022_14

Ibu bapa Orang Asli enggan hantar anak ke sekolah risau ancaman pak belang

Sekolah sunyi sebab takut harimau

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Sekolah Kebangsaan (SK) Bihai yang terletak di Kampung Tendrik, Pos Bihai di sini semalam sunyi sepi selepas ibu bapa Orang Asli tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah kerana takut dengan ancaman harimau belang yang masih berkeliaran di kampung mereka.

Dianggarkan lebih 100 murid Orang Asli di 12 buah kampung di Pos Bihai bersekolah di SK Bihai.

Penduduk kampung yang tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah itu tinggal di Kampung Tendrik, Kampung Sau, Kampung Bihai, Kampung Bihai Lama, Kampung Peyel, Kampung Bujuk, Kampung Bayor, Kampung Salak, Kampung Hak, Kampung Badak, Kampung Tameng dan Kampung Lalok.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Bihai, Nordi Alang berkata, ibu bapa Orang Asli bersepakat tidak mahu menghantar anak mereka kerana bimbang dengan keselamatan anak mereka yang masih kecil selepas gangguan harimau belang di situ sejak sebulan lalu.

Katanya, masalah itu menyebabkan SK Bihai terpaksa ditutup sementara waktu dan guru sekolah juga tidak dapat datang ke Pos Bihai.

"Ibu bapa sangat bimbang ketika ini dan berharap guru dan pihak kerajaan memahami situasi yang dihadapi kami.



SK Bihai di Kampung Tendrik, Pos Bihai, Gua Musang sunyi sepi selepas pos penempatan itu diancam harimau belang sejak sebulan lalu.



KERATAN *Kosmo!* 9 Januari 2021.

"Kami berharap kes ancaman harimau ini dapat ditangani sepenuhnya, baru penduduk kampung berani menghantar anak ke sekolah," katanya.

Seorang bapa Orang Asli yang tinggal di Kampung Tendrik, Osman Pedik, 50, berkata, tiga anaknya kini berada di rumah dan tidak dibenarkan ke sekolah.

"Kami bimbang sekiranya harimau kembali menyerang dan siapa yang mahu ganti anak kami sekiranya nyawa anak terancam," jelasnya.

Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang, memaklumkan pembukaan sekolah secara bersemuka ditangguhkan dan belajar di rumah sahaja.